

# AXCEL DEXXON LOZENGES

Dequalinium Chloride (0.25mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Dexxon Lozenges.
2. Bagaimana Axcel Dexxon Lozenges berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Dexxon Lozenges.
4. Cara menggunakan Axcel Dexxon Lozenges.
5. Semasa menggunakan Axcel Dexxon Lozenges.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Dexxon Lozenges.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Dexxon Lozenges

Axcel Dexxon Lozenges digunakan dalam rawatan jangkitan seperti:

- Jangkitan ringan pada mulut dan tekak.
- Jangkitan anginous (jangkitan bakteria pada mulut).
- Jangkitan catarrhal (keradangan membran mukus terutamanya hidung dan tekak).
- Radang pada membran mukus dan gusi.

## Apakah kegunaan Axcel Dexxon Lozenges

Dequalinium Chloride adalah sejenis ubat antisептик. Ia bertindak terhadap pelbagai bakteria, yis dan kulat.

## Sebelum menggunakan Axcel Dexxon Lozenges

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Dexxon Lozenges jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada dequalinium.
- Anak anda berumur di bawah 3 tahun.
- Anda menjalankan rawatan dengan sulphonamides (antibiotik).
- Ubat ini bukan dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi yang bertauliah kepada anda.

- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum menggunakan Axcel Dexxon Lozenges

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubat, makanan dan pewarna.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu kepada doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengguna Axcel Dexxon Lozenges dan doktor anda akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

## Cara menggunakan Axcel Dexxon Lozenges

### -Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak (atas 3 tahun): 1 ubat dilarut dalam mulut setiap 2 jam. Selepas simptom keradangan telah berkurangan, 1 ubat diambil bagi setiap 4 jam.

### -Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Dexxon Lozenges mengikut keadaaan anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang disarankan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Axcel Dexxon Lozenges

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Dexxon Lozenges.
- Beritahu kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Dexxon Lozenges dengan seseiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Sakit tekak yang teruk bersama dengan demam tinggi atau sakit kepala, rasa loya dan muntah-muntah, sakit tekak yang berterusan lebih daripada 2 hari mungkin serius, dan perlu di bawah rawatan perubatan.

# AXCEL DEXXON LOZENGES

Dequalinium Chloride (0.25mg)

## Kesan-kesan sampingan

Tiada kesan-kesan sampingan Axcel Dexxon Lozenges yang diperhatikan. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Dexxon Lezenges

### -Penyimpanan

Jauhkan Axcel Dexxon Lozenges dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

### -Pelupusan

Jangan guna Axcel Dexxon Lozenges yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Axcel Dexxon Lozenges adalah ubat berwarna oren, bermuka rata, berbentuk bulat dengan perisa oren, berdiameter 12.9mm dan logo Kotra pada satu permukaan.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:  
Dequalinium Chloride

- Bahan Tidak Aktif:

Icing Sugar, Mannitol, Sodium Saccharin, Isopropyl Alcohol, P.V.P. K90, Sunset Yellow, Orange powder, Magnesium Stearate, Talcum Powder and Purified Water.

### -Nomor MAL

MAL19911425X

## Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

29/03/2018

## Nombor siri

NPRA(R4/1)200318/00074